

Da57

U B336 AAB

MAHATHIR - PALESTIN

(1)

KUALA LUMPUR, 19 DIS (BERNAMA) -- **PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUTUK SEKERAS-KERASNYA TINOAKAN REJIM ISRAEL BERHUBUNG KEJADIAN-KEJADIAN TERBARU DI SEMENANJUNG GAZA DAN TEBING SARAT YANG MENYEBABKAN KEMATIAN TIGA PENUNJUK PERASAAN SEMALAM.**

SAMBIL MENYIFATKAN KEJADIAN ITU SEBAGAI +MEMERANJATKAN+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA SEKALILAGI MENUNJUKKAN KEGANASAN ISREAL DAN SIKAP TIDAK PEDULINYA TERHADAP KEADILAN.

TINDAKAN JENAYAH SEPERTI ITU MENUNJUKKAN PERASAAN TIDAK MENGHORMATI NYAWA MANUSIA, KATA PERDANA MENTERI DALAM KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH WISMA PUTRA DI SINI.

MENURUT LAPORAN, DUA PENUNJUK PERASAAN MATI DITEMBAK DALAM PERTEMPURAN DENGAN TENTERA ISRAEL DI DAERAH SHAJA'IE DI GAZA, MANAKALA SEORANG LAGI DITEMBAK DI KHEMAH PELARIAN BUREIJ.

SEHINGGAINI 17 ORANG DILAPORKAN TERBUNUH DALAM PERISTIWA KEGELISAHAN DI SEMENANJUNG GAZA DAN TEBINGBARAT SEJAK 10 HARI LALU. -- LAGI.

1429MST 19 12 a7

D858

U B337 AAB

MAHATHIR - PALESTIN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA REJIM TEL AVIV MENGHORMATI HAK SAH RAKYAT PALESTIN BAGI TANAH AIR MEREKA.

KATANYA TINOAKAN KEJAM REJIM ITU TERHADAP RAKYAT PALESTIN YANG TIDAK BERDOSA DAN TIDAK DAPAT MEMPERTAHANKAN DIRI SEMAKIN MENINGKAT SEHINGGA MENYEBABKAN BANYAK KEMATIAN DAN KECEDEeraan.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULANGI SOKONGAN MALAYSIA KEPADA RAKYAT PALESTIN DALAM PERJUANGAN MEREKA TERHADAP PENDUDUKAN ISRAEL. -- BERNAMA.

1430MST 19 12 87